



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PENGLIBATAN PENIAGA BUMIPUTERA DALAM PERNIAGAAN DI  
TAMAN SRI GOMBAK, DAERAH GOMBAK, SELANGOR**

**WAN OMAR BIN HASHIM**

**FPP L 1993 1**



PENGLIBATAN PENIAGA BUMIPUTERA  
DALAM PERNIAGAAN DI TAMAN SRI GOMBAK,  
DAERAH GOMBAK, SELANGOR.

WAN OMAR BIN HASHIM

MASTER SAINS  
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

1993



PENGLIBATAN PENIAGA BUMIPUTERA  
DALAM PERNIAGAAN DI TAMAN SRI GOMBAK,  
DAERAH GOMBAK, SELANGOR.

OLEH:

WAN OMAR BIN HASHIM

Kertas Projek ini disediakan sebagai  
memenuhi sebahagian syarat Master Sains  
Pembangunan Sumber Manusia di  
Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan  
Universiti Pertanian Malaysia

1993

## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah (S.A.W) kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, saya telah dapat melaksanakan penyediaan kertas projek ini sehingga sempurna.

Sehubungan dengan itu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya yang tidak terhingga kepada Y. Bhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohd. Nasir Ismail selaku penyelia kertas projek ini. Sebagai penyelia Y. Bhg. Dato' telah banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar dan galakan yang berkesan sehinggalah hasrat menyediakan kertas projek ini menjadi satu kenyataan. Begitu juga dirakamkan ucapan jutaan terima kasih dan terhutang budi saya kepada Dr. Turiman Suandi yang turut memberi bimbingan dan tunjuk ajar dalam penyediaan kertas projek ini.

Saya juga amat menghargai segala pandangan, ulasan dan tunjuk ajar yang telah diberikan oleh para-para pensyarah di Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan, khususnya dalam seminar pada 27 Januari 1993 iaitu semasa kertas cadangan bagi penyediaan kertas projek ini diadakan.

Kepada semua rakan-rakan dan kenalan yang telah memberikan sumbangan pemikiran dan bantuan-bantuan perlu (sama ada secara langsung atau tidak) saya ucapkan terima kasih dan jasa anda amat dihargai. Secara khususnya saya



juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Puan Adibah Haji Mohd Yusoff kerana turut membantu dalam proses penyiapan kertas projek ini.

Penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Majlis Daerah Gombak khususnya kepada Penolong Pegawai Tadbir Encik Azahari bin Bakri dan kakitangannya kerana sudi memberi kerjasama dengan membekalkan maklumat-maklumat perlu khususnya berkaitan dengan nama dan alamat para peniaga.

Akhir sekali dirakamkan juga penghargaan kepada isteri saya Masitah Yusuf serta anak-anak kerana sokongan, galakan dan kesabaran yang ditunjukkan di samping turut memahami masalah-masalah yang dihadapi semasa melaksanakan kajian ini.



2.3.6	Implikasi Model Porter dan Lawler	...	...	...	...	22
2.4	Ulasan Kajian Berkaitan Motivasi dan Perniagaan di Kalangan Bumiputera	...	...	...	...	23
2.5	Kajian Motivasi dan Penemuannya	...				24
2.5.1	Rumusan	...	...	...	...	26
BAB						
III	METODOLOGI	...	...	...	...	27
3.1	Pengenalan	...	...	...	...	27
3.2	Rekabentuk Penyelidikan	...	...	...		27
3.3	Sumber Data	...	...	...	...	29
3.4	Justifikasi Kerana Tidak Menggunakan Kaedah Persempelan	...				30
3.5	Soalselidik	...	...	...	...	31
3.6	Pembentukan Alat Kajian	...	...	...		32
3.6.1	Bahagian Pertama	...	...	...		32
3.6.2	Bahagian Kedua	...	...	...		33
3.6.3	Bahagian Ketiga	...	...	...		34
3.6.4	Ujian Kajian	...	...	...	...	35
3.6.5	Pengumpulan Data	...	...	...		36
3.6.6	Cara Menganalisis Data	...	...			36
3.6.7	Instrumentasi	...	...	...		36
BAB						
IV	HASIL KAJIAN	...	...	...	...	37
4.1	Pengenalan	...	...	...	...	37
4.1.1	Ciri-ciri dan Aktiviti Respodonden	...	...	...	...	38
4.1.2	Sebab-sebab Peniaga Bumiputera Menceburkan Diri Dalam Perniagaan	...	...	...	...	61

4.1.3	Sebab-sebab Peniaga Bumiputera Terus Bergiat Dalam Bidang Perniagaan	... ..	82
BAB			
V	PERBINCANGAN KEPUTUSAN	... ..	97
5.1	Pengenalan	... ..	97
5.2	Sebab-sebab Peniaga Bumiputera Menceburkan Diri Dalam Perniagaan	... ..	97
5.3	Sebab-sebab Peniaga Bumiputera Terus Bergiat Dalam Perniagaan	... ..	100
BAB			
VI	RINGKASAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	... ..	104
6.1	Pengenalan	... ..	104
6.2	Ciri-ciri Utama Responden	... ..	104
6.3	Hasil Kajian	... ..	105
6.4	Kesimpulan dan Implikasi Kajian	... ..	106
6.5	Cadangan Untuk Meningkatkan Penyertaan Bumiputera Dalam Perniagaan	... ..	108
6.6	Cadangan Untuk Mempertingkatkan Produktiviti Peniaga Bumiputera	... ..	110
6.7	Cadangan Untuk Kajian Selanjutnya	... ..	113
RUJUKAN	... ..	... ..	115
LAMPIRAN			
A	Soalselidik Yang Digunakan	... ..	118
B	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	... ..	141
C	Ujian Kebolehpercayaan	... ..	142



## SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Taburan Responden Mengikut Umur ... ..	39
2	Taburan Responden Mengikut Peringkat Pendidikan ... ..	41
3	Taburan Responden Mengikut Lama Masa Menceburkan Diri Dalam Perniagaan ... ..	42
4	Taburan Responden Mengikut Umur Ketika Mula Berminat Untuk Berniaga ... ..	44
5	Taburan Responden Mengikut Umur Ketika Mula Berniaga ... ..	44
6	Taburan Responden Mengikut Jenis Perniagaan Yang Diceburi ...	46
7	Taburan Responden Mengikut Kategori Yang Pernah Hadir/ Tidak Pernah Hadir Kursus ... ..	48
8	Taburan Responden Mengikut Sumber Perolehan Modal Perniagaan ... ..	49
9	Taburan Responden Mengikut Modal Pusingan Permulaan ... ..	50
10	Taburan Responden Mengikut Modal Pusingan Semasa ... ..	51
11	Taburan Responden Mengikut Anggaran Pendapatan Bersih Bulanan ... ..	52
12	Taburan Responden Mengikut Jumlah Jam Bekerja Dalam Sehari ... ..	53
13	Taburan Responden Mengikut Penyertaan Mereka dalam Persatuan ... ..	54
14	Taburan Responden Mengikut Bilangan Pemilikan Pekerja ... ..	57





15	Taburan Responden Mengikuti Kewujudan Pertalian Kekeluargaan Dengan Pekerja ... ..	58
16	Taburan Responden Mengikuti Jumlah Perbelanjaan Untuk Pembayaran Gaji Pekerja (Bulanan) ...	59
17	Taburan Responden Mengikuti Jumlah Jam Bekerja Dalam Sehari ...	60
18	Taburan Responden Mengikuti Nilai Skor Terhadap Faktor Minat ...	63
19	Taburan Responden Mengikuti Nilai Skor Mereka Terhadap Faktor Peluang Perniagaan ... ..	65
20	Taburan Responden Mengikuti Nilai Skor Terhadap Faktor Kesanggupan Menanggung Risiko ... ..	66
21	Taburan Responden Mengikuti Nilai Skor Terhadap Faktor Keyakinan Diri ... ..	68
22	Taburan Responden Mengikuti Nilai Skor Terhadap Faktor Ganjaran ... ..	70
23	Taburan Responden Mengikuti Nilai Skor Terhadap Faktor Status Sosial ... ..	71
24	Taburan Responden Mengikuti Nilai Skor Terhadap Faktor Dasar-dasar Kerajaan ... ..	72
25	Taburan Responden Mengikuti Nilai Skor Terhadap Faktor Perasaan Nasionalisma ... ..	74
26	Taburan Responden Mengikuti Nilai Skor Terhadap Faktor Dorongan Rakan ... ..	76
27	Taburan Responden Mengikuti Nilai Skor Terhadap Faktor Dorongan Keluarga ... ..	78
28	Taburan Responden Mengikuti Nilai Skor Terhadap Faktor Peluang Menggunakan Kebolehan ... ..	79



29	Taburan Responden Mengikut Nilai Skor Terhadap Faktor Kemudahan Pinjaman ... ..	81
30	Taburan Responden Mengikut Nilai Skor Terhadap Faktor Minat Yang Berterusan ... ..	84
31	Taburan Responden Mengikut Nilai Skor Terhadap Faktor Ganjaran Ekstrinsik ... ..	86
32	Taburan Responden Mengikut Nilai Skor Terhadap Faktor Mengekalkan Status Sosial ... ..	87
33	Taburan Responden Mengikut Nilai Skor Terhadap Faktor Keperluan Affiliasi ... ..	88
34	Taburan Responden Mengikut Nilai Skor Terhadap Faktor Dasar-dasar Kerajaan ... ..	90
35	Taburan Responden Mengikut Nilai Skor Terhadap Faktor Cabaran Dalam Perniagaan ... ..	91
36	Taburan Responden Mengikut Nilai Skor Terhadap Faktor Ganjaran Intrinsik ... ..	93
37	Taburan Responden Mengikut Nilai Skor Terhadap Faktor Keselamatan ... ..	94
38	Taburan Responden Mengikut Nilai Skor Terhadap Faktor Pencapaian Diri ... ..	96



## SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
I	Piramid Motivasi Cumming ... ..	16
II	Model Porter dan Lawler ... ..	20



## ABSTRAK

Abstrak kertas projek ini dikemukakan kepada Senat Universiti Pertanian Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Master Sains.

"PENGLIBATAN PENIAGA BUMIPUTERA  
DALAM PERNIAGAAN DI TAMAN SRI GOMBAK,  
DAERAH GOMBAK, SELANGOR"

Oleh

Wan Omar bin Hashim  
Disember 1993

Penyelia : Prof. Madya Dato' Dr. Mohd. Nasir Ismail

Fakulti : Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan

Tujuan utama kajian ini ialah untuk menentukan sebab-sebab yang mendorong bumiputera untuk menyertai bidang perniagaan dan juga untuk mengenalpasti sebab-sebab yang mendorong mereka untuk terus bergiat secara aktif di dalam perniagaan.

Responden kajian ini adalah terdiri dari mereka yang telah berdaftar dan mempunyai lesen perniagaan dengan kedua-dua pihak berkuasa iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta pihak Majlis Tempatan Daerah Gombak.



Memandangkan sampel kajian adalah berdasarkan populasi para peniaga bumiputera di Taman Sri Gombak, Selangor maka kesemua 20 orang peniaga yang terlibat telah dipilih sebagai responden kajian. Dari sejumlah itu, 17 responden (85%) telah menjawab ke atas soalselidik yang dikemukakan.

Data yang dikumpul telah dianalisis dengan menggunakan 'Statistical Package for Social Science'. Frekuensi, peratus dan median telah digunakan dalam analisis ini.

Pada keseluruhannya didapati para peniaga bumiputera telah didorongkan untuk menyertai perniagaan oleh lima faktor utama. Faktor-faktor dorongan tersebut ialah 'Perasaan Nasionalisma', 'Ganjaran', 'Kesanggupan Menanggung Risiko', 'Minat' dan 'Peluang Menggunakan Kebolehan'.

Kedua, didapati para peniaga bumiputera juga didorongkan untuk meneruskan penglibatan mereka dalam perniagaan oleh enam faktor utama. Faktor-faktor tersebut ialah 'Cabaran Dalam Perniagaan', 'Ganjaran Intrinsik', 'Mengekalkan Status Sosial', 'Dasar-dasar Kerajaan', 'Ganjaran Ekstrinsik' dan 'Keperluan Affiliasi'.

Berdasarkan kepada hasil kajian, beberapa cadangan telah dibuat berhubung dengan program-program motivasi ke atas masyarakat bumiputera yang boleh dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Malaysia.

## ABSTRACT

Abstract of project paper submitted to the Senate of Universiti Pertanian Malaysia in partial fulfilment of the requirements for degree of Master of Science.

"'BUMIPUTRA' TRADERS' PARTICIPATION  
IN BUSINESS AT TAMAN SRI GOMBAK,  
DISTRICT OF GOMBAK, SELANGOR"

By

Wan Omar bin Hashim  
December 1993

Supervisor: Prof. Madya Dato' Dr. Mohd. Nasir Ismail

Faculty : Centre for Extension and Continuing Education

The main purpose of this study was to determine reasons that motivate the 'bumiputera' businessmen to participate in business and also to determine the reasons that motivate them to continue actively in their business.

The respondent of the study were the registered and licenced businessmen with both the Ministry of Domestic Trade & Consumer Affair and the Gombak District Local Council.

Since the sample of the study was based on the population of the 'bumiputera' businessmen in Taman Sri Gombak, Selangor, all 20 of them were selected as



respondents. Seventeen respondents (85%) responded to the questionnaire.

The data collected were analysed using the "Statistical Package for Social Science" subprogramme. Frequencies, percentages and median were used to analyse the data.

Overall, the study revealed that the 'bumiputera' businessmen were motivated to participate in business mainly due to five significant factors. These factors are 'Nationalism', 'Reward', 'Willingness to Take the Risk', 'Interest' and 'Opportunity to Use Own Capability'.

Secondly, the study revealed that the 'bumiputera' businessmen were also motivated to pursue their involvement in business mainly due to six significant factors. The factors are 'Challenge in Business', 'Intrinsic Reward', 'To Maintain the Status Quo', 'Government's Policy', 'Extrinsic Reward' and 'Need of Affiliation'.

Based on the findings of the study, several recommendations were made in relation to the motivation programme for the 'bumiputera' society which could be initiated by the Malaysian Government.



## BAB 1

### P E N G E N A L A N

#### 1.1 Latarbelakang

Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang telah dimulakan pada tahun 1971 telah pun menetapkan supaya bumiputera dapat menyertai dan menguasai sekurang-kurangnya sebanyak 30 peratus dalam sektor perdagangan dan perindustrian negara. Kini DEB telah pun berakhir pada tahun 1990 namun pencapaiannya masih jauh daripada matlamat DEB itu.

Dalam ucapan semasa membentangkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) 1991 - 2000 di Dewan Rakyat pada 17 Jun 1991 yang lalu, Y.A.B Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad telah menyentuh lagi tentang tahap penglibatan bumiputera dalam sektor perdagangan dan perindustrian negara. Menurut beliau walaupun sektor korporat telah bertambah daripada 2.4 peratus pada tahun 1970 kepada 20.3 peratus pada tahun 1990 namun sebahagian besar dari kejayaan ini adalah disebabkan oleh usaha-usaha institusi awam bagi kepentingan bumiputera seperti Perbadanan Nasional Berhad (PNB), Perbadanan Nasional (Pernas) serta Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH). Menurut Y.A.B Perdana Menteri lagi matlamat DEB itu masih lagi jauh untuk dicapai.





Sehubungan dengan itu Dasar Pembangunan Negara (DPN) yang menggantikan DEB juga mempunyai kesinambungan dalam matlamatnya apabila soal ekonomi bumiputera turut mendapat perhatian dan dimasukkan dalam dimensi barunya. Umpamanya dalam DPN terdapat juga kenyataan berikut:

" Menumpukan perhatian kepada pembangunan sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPR) sebagai satu strategi penting ke arah memajukan bumiputera dalam kegiatan ekonomi".

Sumber: Siri Ucapan Penting  
Bil. 2/91 'Dasar Pembangunan Negara'  
m.s. 19.

Oleh yang demikian adalah jelas sekali bahawa persoalan ekonomi bumiputera khususnya dalam bidang perniagaan adalah sentiasa diambil berat oleh kerajaan. Memandangkan matlamat DEB bagi peningkatan golongan bumiputera dalam bidang perniagaan masih belum tercapai walaupun usaha telah dibuat oleh kerajaan sejak 1971 lagi maka adalah wajar dijalankan juga kajian ke atas faktor-faktor dorongan yang wujud di kalangan peniaga-peniaga bumiputera. Dengan mengidentifikasikan faktor-faktor ini, maka diharapkan ia akan dapat memberi panduan kepada pihak berkenaan tentang pendekatan yang lebih bersesuaian dan berkesan dalam usaha memotivasikan kaum bumiputera supaya lebih ramai lagi dari kalangan mereka yang menampilkan diri untuk berniaga.

Kajian mengenai dorongan atau yang disebut juga motivasi telah giat dijalankan oleh penyelidik-penyelidik seperti Herzberg (1959), Maslow (1970), Lawler dan Porter (1973) Robbins (1991) dan lain-lain. Walaupun begitu kajian mengenai dorongan wajar dijalankan dari masa ke semasa kerana faktor dorongan ini merupakan kunci penggerak untuk kemajuan bukan sahaja bagi kemajuan individu, kelompok masyarakat atau organisasi tetapi juga sebagai kunci penggerak ke arah pembangunan sesebuah negara.

## 1.2 Pernyataan Masalah

DEB adalah merupakan dasar kerajaan yang mengandungi program-program bagi melibatkan bumiputera dalam sektor perniagaan. Sehubungan dengan itu DEB juga tidak mengenakan sebarang peraturan bagi memaksa bumiputera untuk menyertai sektor ini. Dengan erti kata yang lain DEB juga adalah merupakan dasar kerajaan yang mempunyai fungsi penting iaitu untuk mendorong penglibatan kaum bumiputera dalam perniagaan. Namun demikian setelah tamat 20 tahun dasar ini dilaksanakan iaitu setelah berakhirnya DEB pada tahun 1990 tahap penglibatan bumiputera masih juga belum mencapai matlamat seperti yang diharapkan. Persoalannya apakah perkara-perkara yang berkaitan dengan dasar kerajaan sahaja yang mampu mendorong bumiputera untuk berniaga? Apakah faktor-faktor lain tidak berperanan sebagai faktor pendorong? Oleh itu kajian ini akan cuba mengenalpasti

kewujudan faktor-faktor lain yang mungkin juga menjadi antara pendorong utama kepada bumiputera untuk berniaga dan untuk terus bergiat dalam bidang ini. Di samping itu dasar kerajaan yang juga dianggap sebagai faktor dorongan akan turut dibuat kajian bagi melihat kepentingannya. Dengan mengenalpasti faktor-faktor tersebut maka diharapkan ia boleh memberi sumbangan kepada pihak-pihak berkenaan dalam mempelbagaikan pendekatan untuk mendorong lebih ramai bumiputera melibatkan diri dalam bidang yang menguntungkan ini.

### 1.3 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk:

- i) Menenalpasti sebab-sebab peniaga bumiputera menceburkan diri dalam perniagaan.
- ii) Menenalpasti sebab-sebab peniaga bumiputera terus bergiat dalam bidang perniagaan.

### 1.4 Justifikasi Kajian

Justifikasi kajian adalah seperti berikut:

- i) Selaras dengan Dasar Pembangunan Negara yang juga memberi tumpuan kepada golongan bumiputera untuk maju dalam bidang perniagaan maka diharapkan kajian ini dapat memberi sumbangan positif ke arah mencari jalan yang berkesan bukan sahaja bagi

mempertingkatkan motivasi dalam perniagaan di kalangan peniaga bumiputera tetapi juga dalam usaha untuk menarik lebih ramai lagi bumiputera untuk menceburkan diri dalam bidang ini.

- ii) Kajian ke atas dorongan ini tidaklah harus dihadkan ke atas kakitangan dalam syarikat-syarikat atau organisasi tertentu sahaja tetapi juga wajar dijalankan ke atas usahawan-usahawan atau pun golongan peniaga kerana mereka juga mempunyai faktor dorongan yang tersendiri untuk mencapai kejayaan. Sekiranya mereka ini kekurangan dorongan untuk meraih kejayaan dalam perniagaan maka sudah tentulah kegagalan mereka kelak akan turut sama memberi kesan negatif kepada perkembangan ekonomi sesebuah negara.

### 1.5 Limitasi

Kajian ini adalah dibuat di kalangan peniaga-peniaga bumiputera Melayu sahaja dan tempat kajian dijalankan ialah di Taman Sri Gombak, iaitu satu kawasan perumahan dalam Daerah Gombak Selangor.

## 1.6 Definasi Konsep

### i. 'Dorongan'

Koontz & O'Donnel (1976) mendefinisikan 'dorongan' sebagai usaha ke arah memenuhi kepuasan atau kehendak seseorang terhadap matlamatnya.

Everrard & Burrow (1984) menganggap 'dorongan' sebagai satu alasan atau alasan-alasan yang boleh menyebabkan seseorang itu bertindak dalam sesuatu cara tertentu. Menurutny lagi manusia didorongkan membuat sesuatu berdasarkan keperluan-keperluan mereka.

Harwell (1969) menggunakan istilah moral (morale) bagi menggantikan dorongan. Beliau menganggap moral individu itu adalah bergantung kepada tahap keperluan-keperluan yang dapat dipenuhi oleh seseorang. Seterusnya beliau menjelaskan bahawa petunjuk kepada kemerosotan 'morale' ini ialah seperti ketidak hadiran pekerja yang ramai, pengeluaran yang rendah, perlakuan yang kurang sopan dikalangan pekerja terhadap majikan dan pelanggan.

Dalam kajian ini 'motivasi dalam perniagaan' atau 'motivasi perniagaan' adalah dirujukkan kepada faktor-faktor yang memberi dorongan untuk berniaga. 'Dorongan' adalah diertikan sebagai faktor-faktor yang

menggerakkan peniaga bumiputera untuk menyertai atau menceburi bidang perniagaan.

ii. 'Bumiputera'

Dalam konteks kajian ini 'bumiputera' adalah dimaksudkan orang-orang Melayu Malaysia.

iii. 'Faktor'

Penggunaan perkataan 'faktor' dalam konteks kajian ini adalah lebih merupakan sebab-sebab yang mendorong bumiputera berniaga dan ianya bukanlah merupakan satu pengukuran yang kuantitatif.

## BAB II

### ULASAN PEMBACAAN

#### 2.1 Pengenalan

Dalam bab ini akan dibincangkan mengenai motivasi dan peranannya dalam menggerakkan individu untuk mengambil sesuatu tindakan. Topik-topik yang akan dibincangkan termasuklah perkara-perkara berikut:

- i. Konsep motivasi dan peranannya
- ii. Teori dan model motivasi dan
- iii. Ulasan kajian berhubung dengan motivasi.

#### 2.2 Konsep Motivasi dan Peranannya

Untuk membantu pemahaman kepada konsep motivasi dan peranannya, terlebih dahulu perlu juga disentuh tentang pengertian istilah motivasi itu sendiri. Istilah motivasi berasal dari perkataan Latin yang disebut 'movere' atau 'motum' yang bermaksud menggerakkan.

Berbagai-bagai tafsiran tentang motivasi telah diberikan oleh para penyelidik dari sudut atau perspektif yang berbeza-beza. Walau bagaimanapun secara dasarnya penyelidik-penyelidik bersependapat bahawa motivasi di dalam organisasi adalah bertujuan untuk menggalakkan individu-

kepada kekuatan motifnya. Motif pula dirujuk sebagai keperluan dan keinginan yang kuat dalam diri individu. Keperluan atau keinginan yang mempunyai kekuatan yang secukupnya akan menyebabkan kepada berlakunya sesuatu aktiviti. Campbell dan Pritchard merumuskan bahawa motivasi secara amnya mempunyai tiga elemen iaitu keperluan, matlamat dan kelakuan yang diperlukan untuk mencapai matlamat.

Atkinson (1964) merujuk motivasi sebagai pengaruh yang mengarah sesuatu tindakan. Staw (1976) pula berpendapat bahawa terdapat dua jenis keperluan asas yang boleh memuaskan individu dan keadaan kerjanya iaitu pendorong dalaman dan pendorong luaran. Menurutnya pendorong dalaman dan luaran ini adalah berdayausaha untuk memenuhi keperluan yang dihadapi. Staw juga berpendapat motivasi digerakkan dengan menyatukan matlamat organisasi dan matlamat individu.

Dalam konteks menjadikan motivasi itu sebagai alasan-alasan untuk bertindak, Eversard dan Burrow (1984) menjelaskan motivasi boleh menyebabkan seseorang itu bertindak dalam suatu cara tertentu. Menurutnya lagi manusia adalah didorongkan membuat sesuatu berdasarkan kepada keperluan-keperluan mereka.